

S-usaha Agung: Arahan Dr. M

P-raya Seri Gading diduga lepas Raya

KUALA LUMPUR, Khamis — Senator Datuk Haji Mustafa Jabar diminta oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menagguhan perletakan jawatan sebagai Setiausaha Agung UMNO Malaysia sehingga dapat tokoh penggantinya.

Senator Datuk Haji Mustafa menemui Presiden baru UMNO itu di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pagi ini bagi menyampaikan surat perletakan jawatan itu.

Setiausaha Agung UMNO itu memberitahu pemberita, "Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta saya tunggu sampai beliau dapat tokoh pengganti untuk jawatan itu."

Sedia patuh

"Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu saya beliau setakat ini belum mendapat tokoh pengganti saya dan meminta saya tunggu dulu sampai dapat orangnya," ujar beliau.

Kepada satu pertanyaan, Senator Datuk Haji Mustafa berkata, beliau sendiri tidak tahu tempoh penagguhan itu.

Katanya lagi, "Terserahlah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dan Majlis Tertinggi Parti (MT), saya sedia patuh kepada arahan

beliau dan MT, kerana UMNO sudah menjadi darah-daging saya sejak lebih 30 tahun lalu.

Menurut Senator Datuk Haji Mustafa, dalam pertemuan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir itu, beliau menyampaikan hasrat dan sebab-sebab perletakan jawatannya.

"Saya ini sudah tua, ingin memberi peluang kepada tokoh-tokoh muda yang lebih bertengga memegang jawatan Setiausaha Agung," tambah beliau.

Sebelum ini Senator Datuk Haji Mustafa berkata, keputusan beliau melepaskan jawatan itu bagi memberi peluang kepada tokoh yang tidak terpilih menjadi Timbalan Presiden UMNO.

Beliau menafikan langkah itu sebagai formula bagi mengelakkan UMNO dan negara kehilangan salah seorang dari tokoh-tokoh berkenaan.

Senator Datuk Haji Mustafa berkata, ramai orang muda yang berkelayakan boleh mengambil jawatan tersebut.

Beliau berpendapat, mungkin dalam keadaan sekarang banyak perkara dan masalah lain yang lebih penting sedang difikirkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Menegenal mesyuarat pertama MT yang baru, Datuk Haji Mustafa berkata, ia dijangka diadakan selepas Hari Raya Puasa.

Sementara itu, Datuk Hussein Onn akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri sahaja pada 16 Julai ini, sementara perletakan jawatan sebagai ahli Parlimen Sri Gading ditangguhkan hingga suatu masa yang belum ditetapkan lagi.

Sumber-sumber yang rapat dengan Perdana Menteri memberitahu, keputusan untuk melambatkan perletakan jawatan ahli Parlimen adalah sebagai menggalakan pilihanraya kecil diadakan dalam bulan puasa.

Katanya, disebabkan bulan puasa ini, adalah lebih baik perletakan jawatan sebagai ahli Parlimen Sri Gading ditangguhkan dahulu.

"Datuk Hussein pasti meletakkan jawatan ahli Parlimen tetapi tarikh belum dipastikan lagi," tambahnya lagi.

Setiausaha Politik Perdana Menteri yang juga Ketua Bahagian Seri Gading, Encik Mustafa Mohamad, dijangka akan bertanding untuk mengisi kekosongan tersebut.

Datuk Hussein dikatakan telah pun mencadangkan nama itu kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

Datuk Seri Dr. Mahathir, selaku Presiden UMNO, dikatakan tidak membantah terhadap cadangan tersebut memandangkan Encik Mustafa juga telah membuktikan kemampuannya sebagai Setiausaha Politik yang laai kepada tuannya.

No. Sir

No. Pe.

262

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia